

PIPP lonjak pendidikan negara – Hishammuddin

Oleh HELMI MOHD. FOAD

PUTRAJAYA 16 Jan. – Kerajaan akan melaksanakan enam teras strategik utama dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 hingga 2010 (PIPP) bagi melonjakkan tahap kecemerlangan sekolah dan mengangkat imej sistem pendidikan negara di mata dunia.

Teras yang bersifat holistik itu ialah membina negara bangsa; membangunkan modal insan; memperkasakan sekolah kebangsaan; merapatkan jurang pendidikan; memartabatkan profesion keguruan dan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, pelan tersebut adalah untuk memperluaskan akses pendidikan berkualiti kepada semua rakyat agar tiada sesiapa pun tercicir dalam arus pembangunan negara menjelang tahun 2020.

Beliau berkata, kesemua teras tersebut akan dilaksanakan dengan menggunakan dua pendekatan iaitu menyelesaikan tugas

yang belum selesai membabitkan akses kepada pendidikan serta kesamarataan medan persaingan di kalangan pelajar dan meningkatkan kecemerlangan sekolah ke tahap yang lebih tinggi.

“Hasrat kita adalah untuk mempunyai sebuah sistem pendidikan yang dikagumi dan menjadi rujukan oleh masyarakat antarabangsa; suatu sistem yang memberikan akses seluas-luasnya kepada rakyat, saksama tanpa jurang perbezaan yang ketara dan yang menyediakan pendidikan berkualiti kepada setiap pelajarinya.

“Kita juga mahu mempunyai suatu sistem yang di dalamnya sekolah-sekolah yang lengkap infrastrukturnya, mempunyai kepemimpinan yang bijak dan mantap, guru-guru yang berkemahiran dan berdedikasi, warga yang berpegang kepada budaya yang sihat, positif dan cemerlang, serta yang memanfaatkan apa sahaja pendekatan dan teknologi semasa bagi memastikan kecekapan dan produktiviti,” katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada majlis pelancaran PIPP 2006-2010 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Um - 17/1/2007
Pelancaran pelan induk yang bertema ‘Merintis Pembaharuan - Satu Misi Nasional’ itu disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Hishammuddin berkata, pelan induk tersebut adalah pelan pendidikan untuk rakyat Malaysia tanpa mengira taraf sosioekonomi, latar belakang agama atau warna kulit.

Beliau menjelaskan, dalam teras pertama, fokus akan diberikan untuk membina sebuah negara bangsa Malaysia yang bersatu padu, patriotik, berbangga dengan identiti nasional serta memahami inti pati serta kehendak pendekatan Islam Hadhari.

Beliau berkata, bagi teras membangunkan modal insan, tumpuan diberikan bagi melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan menghayati nilai-nilai murni seterusnya memupuk semangat menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan keupayaan.

Dalam teras ketiga iaitu memperkasakan sekolah kebangsaan, usaha akan dilakukan bagi memastikan sekolah aliran itu kekal menjadi pilihan utama masyarakat

agar perpaduan kaum dapat disemai dari peringkat awal persekolahan tanpa perlu menyekat kewujudan sekolah-sekolah aliran lain, kata Hishammuddin.

“Teras keempat iaitu merapatkan jurang pendidikan, fokus akan diberikan untuk merapatkan jurang pendidikan antara lokasi, tahap sosioekonomi dan tahap keupayaan pelajar agar semua sekolah dan pelajar mempunyai peluang dan keupayaan yang sama untuk cemerlang,” katanya.

Beliau berkata, teras kelima iaitu memartabatkan profesion keguruan, fokus akan diberikan untuk menghasilkan tenaga pengajar berkualiti, kekal dalam sistem pendidikan negara dan berkualiti di sepanjang tempoh perkhidmatan, dengan memenuhi sebahagian besar keperluan intelektual, rohani, fizikal dan emosi.

Seterusnya bagi teras keenam, kata beliau, fokus diberikan untuk melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan mengikut kelompok sekolah agar ia dapat menjadi penanda aras terhadap kejayaan sistem pendidikan negara kepada masyarakat antarabangsa.